

# Ruang letak kenderaan di USIM tak cukup

Sebagai staf Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), saya lihat isu yang sangat kritikal yang perlu diselesaikan segera oleh pihak pengurusan universiti, iaitu ruang meletak kenderaan yang tidak mencukupi. Keadaan ini sangat kronik terutama di fakulti tertentu, terutama ketika sesi perkuliahan.

## Kesesakan dalam kampus

Membawa kenderaan ke universiti adalah hak setiap individu yang berkemampuan, cuma keadaan ini menyebabkan kesesakan yang seolah-olah tiada kesudahannya dalam kampus USIM.

Saban hari, pelajar, pensyarah dan staf universiti perlu berebut-rebut tempat letak kenderaan. Sekiranya semua tempat meletak kenderaan penuh, pemandu kereta dan motosikal meletakkan kenderaan mereka sesuka hati di

bahu jalan.

Masalah lain pula yang timbul apabila keadaan ini menyebabkan laluan terhalang dan mengganggu lalu lintas. Ia juga mengganggu kelancaran proses pembelajaran dan pengajaran apabila pensyarah dan pelajar lewat ke

“  
**Saya ingin mengesyorkan agar pengurusan USIM dapat mempertimbangkan untuk membuka dan membina ruang meletak kenderaan yang lebih banyak**”

bilik kuliah lantaran sukar menemui tempat meletak kenderaan.

Itu belum lagi dikira seandainya ada kes kecemasan yang memerlukan ambulans mengambil mangsa terbabit, pastilah sukar kerana laluan tersekat.

Ini tidak termasuk kenderaan pelawat atau pun kontraktor luar yang perlu menguruskan dengan pegawai pihak di sekitar universiti yang turut dibelenggu masalah tempat meletak kenderaan terhadap. Pasti ia memberikan gambaran kurang manis kepada mereka.

## Alternatif bas universiti

Pada hemat saya, ada beberapa sebab mengapa permasalahan ini berlaku. Pertamanya, perkhidmatan bas universiti sebagai sistem pengangkutan alternatif tidak digunakan sebaiknya oleh pelajar

atau jumlah bas tidak mencukupi.

Keduanya, di USIM tidak mengamalkan konsep meletak kenderaan secara berpusat untuk pelajar seperti di kebanyakan institusi pengajian tinggi yang lain menyebabkan pelajar tidak segan untuk 'mencuri' petak kenderaan staf universiti.

## Penguatkuasaan tak serius

Sepatutnya, USIM menggunakan sebaik-baiknya tempat meletak kenderaan berpusat khas untuk pelajar, bukan memberi ruang kepada aktiviti perniagaan berkelompok yang membina kanopi besar yang mengurangkan ruang meletak kenderaan pelajar. Hal ini sangat ketara di ruang Pusat Kemudahan Pelajar (PKP). Ketiga, penguatkuasaan yang kurang serius oleh pihak keselamatan dalam memastikan tempat letak kenderaan staf tidak diambil sewenang-wenangnya oleh pelajar.

Saya ingin mengesyorkan agar pengurusan USIM dapat mem-

pertimbangkan untuk membuka dan membina ruang meletak kenderaan yang lebih banyak, terutamanya untuk pelajar. USIM juga mungkin boleh memikirkan untuk membuat kawasan khas meletak kenderaan yang berpagang untuk staf dan pensyarah USIM.

Disamping itu, USIM juga disarankan menambah baik prasarana pengangkutan dengan menambah jumlah bas untuk pelajar. Kempen dalam kalangan pelajar dan staf universiti juga boleh dilaksanakan secara berterusan mengenai keperluan meletakkan kenderaan di tempat yang betul.

Akhirnya, penguatkuasaan undang-undang jalan raya secara agresif boleh dijadikan pertimbangan terakhir, andai masih ada pelajar dan staf yang berdegil dalam hal meletakkan kenderaan mereka secara melulu dan menghalang lalu lintas.

**Ujang Jawa,**  
 Nilai, Negeri Sembilan